

12/09/2003

Peneroka yakin taraf hidup meningkat

Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Dua pertubuhan peneroka Felda yakin Bajet 2004 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mampu meningkatkan taraf hidup sekali gus mengubah persepsi masyarakat terhadap golongan itu.

Sehubungan itu, peneroka Felda digesa bekerja lebih keras dengan semangat gigih serta menggunakan sebaik-baiknya peluang yang diberikan kerajaan dalam sektor berkenaan.

Pengerusi Majlis Belia Felda, Datuk Ramli Ismail, percaya Bajet 2004 akan memperlihatkan perubahan besar, sekali gus terus membela nasib mereka dan generasi Felda akan datang.

Beliau berkata, sudah tiba masanya peneroka berfikiran lebih terbuka kerana mereka tidak lagi dianggap sebagai petani tetapi 'ahli korporat'.

"Peluang dan peruntukan dalam bajet kali ini sememangnya dinantikan peneroka Felda, malah kita berharap badan korporat yang berkongsi dalam membangunkan tanah rancangan dapat memainkan fungsi.

"Bajet ini diharap bukan saja dapat memberi manfaat kepada peneroka tetapi juga kepada generasi akan datang Felda yang bakal melaksanakan pembangunan berterusan di tanah rancangan mereka," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan Berita Harian semalam mengenai lebih 105,000 keluarga peneroka Felda dijangka menerima nafas baru dalam Bajet 2004.

Dr Mahathir dalam bajet terakhir yang akan dibentangkan itu dijangka memperkenalkan satu pendekatan baru bagi membela nasib peneroka tanah rancangan Felda.

Pemerhati berkata, langkah itu dijangka memperlihatkan tanah rancangan Felda sedia ada diambil alih syarikat yang akan dimiliki peneroka sendiri sebagai pemegang sahamnya.

Selain itu, penggabungan beberapa tanah rancangan menjadi syarikat perladangan dengan peneroka diberikan saham untuk tanah mereka.

Pada masa yang sama, langkah menjadikan sesebuah rancangan Felda sebagai syarikat perladangan juga akan menyelesaikan masalah pewaris bagi tanah milik peneroka.

Sementara itu, Presiden Yayasan Pembangunan Generasi Felda Malaysia, Dr Shamsul Anwar Sulaiman berkata, sudah tiba masanya Felda dirombak dan diterajui generasi baru yang berkebolehan.

Katanya, bajet yang akan dibentangkan Dr Mahathir itu diambil kira selepas yakin dengan potensi dan kecemerlangan anak peneroka untuk membangunkan tanah rancangan keluarga.

Beliau yang juga Exco Pemuda Umno menyatakan, ketika ini Felda mempunyai 303 tanah rancangan dengan lebih 1,000 peneroka dan 500,000 anak peneroka.

"Bayangkan jika tanah rancangan yang ada tidak dapat ditadbir sepenuhnya dan ramai pula anak peneroka yang berhijrah, sudah pasti ia akan terbiar.

"Malah, dengan adanya 56 kawasan Parlimen dan 92 Dewan Undangan Negeri di kawasan Felda seluruh negara termasuk Sabah ia sudah pasti memberikan kesan kepada politik negara," katanya.